

BPR semak dokumen

Pos Malaysia

BH 21/6/08 ms 17

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat jika wujud penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah dalam tadbir urus Pos Malaysia Bhd, kata Pengarah Siasatannya, Datuk Mohd Shukri Abdull.

Beliau berkata, setakat ini, pegawainya masih pada peringkat awal menjalankan inkuiri dengan menyemak dokumen berkaitan dakwaan isu amalan tadbir urus korporat syarikat berkenaan.

"Jika ada asas wujud penyelewengan, salahguna kuasa atau rasuah, siasatan akan dijalankan," katanya selepas majlis penutup kursus pegawai penyiasat kewangan bertauliah mengenai Akta Perubahan Wang Haram (AMLA) di Akademi Pencegahan Rasuah (Maca) di sini, semalam.

Kelmarin, Pemangku Pengarah Urusan/Ketua Eksekutif Pos Malaysia, Datuk Abu Huraira Abu Yazid memaklumkan, BPR mula menyiasat syarikat itu dengan merekodkan keterangan beberapa pegawai syarikat dan mengambil dokumen dari Ibu Pejabat Pos Malaysia di Bangunan Dayabumi di sini.

BPR menjalankan inkuiri itu berikutan laporan *Financial Daily*, Rabu lalu, yang mengaitkan peletakan jawatan Pengerusi Pos Malaysia, Tan Sri Adam Kadir dengan berita mengenai kemungkinan akan berlaku konfrontasi antara pemegang saham syarikat itu dengan lembaga pengarah dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) Pos Malaysia.

Adam yang dikatakan akan dicalonkan dilantik semula sebagai pengerusi selepas perkhidmatannya berakhir 1 Jun lalu, menyerahkan surat peletakan jawatan, Selasa lalu, berkuat kuasa serta-merta.

Awal bulan lalu, Pengarah Urusan/Ketua Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia, Datuk Idrose Mohamed turut meletakkan jawatan.

Mohd Shukri meminta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi berhubung perkara itu.

Sementara itu, Pos Malaysia dalam kenyataannya petang semalam, berkata inkuiri yang dijalankan BPR tidak mempunyai kaitan dengan peletakan jawatan Adam, manakala Idrose meletak jawatan atas sebab peribadi bukan berkaitan kerana isu tadbir urus korporat.